

15/11/1999

Daim serah kepada Dr M tentukan pencalonan

SUNGAI PETANI, Ahad - Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin enggan mengesah atau menafikan spekulasi beliau tidak bertanding pada pilihan raya umum 29 November ini.

Bagaimanapun, Ahli Parlimen Merbok itu berkata, keputusan sama ada beliau bertanding atau sebaliknya diserahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Daim berkata, sebagai ahli Umno yang mementingkan disiplin, beliau sedia menerima segala arahan Perdana Menteri, sama ada bertanding semula dan terus menerajui pentadbiran kewangan negara atau sebaliknya.

Sambil mengambil contoh permintaannya tidak dinamakan sebagai calon Barisan Nasional (BN) Parlimen Merbok pada pilihan raya 1995, Daim berkata hasrat terpaksa dilupakan apabila Dr Mahathir memintanya bertanding.

"Yang sebenarnya 1995 (pilihan raya) saya tak mahu bertanding. Saya dah bersara sejak 1991. Tahun 1995 saya minta tak usah bertanding tetapi diarah juga supaya bertanding.

"Sebagai anggota parti, bila diarah pimpinan, kita buat saja," katanya selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Nasyid dan Marhaban Tabika Kemas di sini, hari ini.

Daim diminta mengulas analisis sebuah akhbar berbahasa Inggeris semalam, iaitu Daim meminta dirinya tidak dicalonkan semula.

Ditanya mengenai hasratnya untuk keluar daripada Kabinet apabila ekonomi negara pulih, Daim berkata beliau memang berhasrat berbuat demikian tetapi harus akur kepada keputusan pucuk pimpinan.

"Bila ekonomi pulih, saya ingin bersara. Itu saja. Dulu pun saya dah minta. Dia (Dr Mahathir) kata saya berhenti, saya berhenti. Dia kata teruskan, saya ikut. Itu saja," katanya.

Mengenai Belanjawan 2000 yang terpaksa dibentangkan semula di Parlimen selepas pilihan raya, beliau berkata setakat ini, tiada perubahan terhadap Belanjawan berkenaan.

Daim turut membidas barisan alternatif yang menyifatkan Belanjawan sebagai mengugut rakyat supaya memilih BN semula jika mahu Belanjawan itu dilaksanakan.

"Kalau tak pilih, memang tak ada. Macam mana kita nak ugut, hak memilih hak rakyat," katanya.

Selain itu, Daim meminta pelabur Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) tidak terpengaruh dengan laporan media asing kononnya harga saham tidak mampu melonjak kerana pelabur perlu melihat Belanjawan yang akan dibentangkan semula.

Daim yakin Indeks Komposit BSKL mampu melepasi 800 mata berdasarkan kemampuan syarikat tempatan dan keyakinan pelabur.

(END)